

## → PENDIDIKAN

[FOTO JANNAH KHO/BH]

# UA digesa pertingkatkan keupayaan inovasi

→ Beri implikasi positif pada jangka panjang dalam pelbagai bidang

Oleh Mohd Latif Ahmad  
bhnews@bh.com.my

► Kuching

**S**emua universiti awam (UA) di negara ini perlu mempertingkatkan keupayaan inovasi masing-masing bagi memastikannya muncul dalam kelompok universiti terbaik dunia.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata seiring kemajuan negara, program inovasi amat dititikberatkan kerana implikasi positifnya bagi tempoh jangka panjang dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan.

“Dalam kalangan negara maju, UA mereka banyak menghasilkan pelbagai projek inovasi yang mendatangkan banyak faedah jangka panjang. Ini harus dipraktikkan di UA kita.

“Dengan kepelbagaian sumber dimiliki termasuk kumpulan penyelidik berpengalaman, tidak mustahil UA kita menghasilkan pelbagai inovasi yang boleh menyumbang kepada kemajuan negara,” katanya merasmikan Persidangan Jubli Perak Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) 2017 di sini, semalam.

Yang hadir sama, Naib Canselor UNIMAS, Datuk Prof Dr Mohamad



Idris menuangkan lada ke dalam mesin pengisar selepas merasmikan Persidangan Jubli Perak Universiti Malaysia Sarawak, semalam.

Kadim Suaidi.

Idris turut mengagumi keupayaan kumpulan penyelidik UNIMAS membangunkan aplikasi pengenalan diri pelajar dan kakitangan secara digital iaitu kaedah pertama seumpamanya digunakan IPT di negara ini.

### Perkenal sistem pengenalan diri digital

“UNIMAS mula menggunakan sistem pengenalan diri digital itu pada bulan ini dengan pelajar atau kakitangan mereka hanya perlu mengimbas android atau telefon pintar mereka melalui aplikasi ‘QR Code’ yang boleh dimuat turun.

“Ketika ini, penggunaannya bagi merekod kehadiran sebelum dikembangkan untuk pelbagai kegunaan lain di kampus. UNIMAS hanya mengambil masa sebulan untuk melaksanakan sistem pengenalan digital itu dan ini sangat membanggakan,” katanya.

Idris berkata, pengenalan sistem pengenalan diri digital itu juga boleh digunakan dalam sistem penilaian baharu pelajar, sekali gus memudahkan lagi sistem rekod pencapaian sesebuah universiti.

“Ia juga lebih memudahkan pelajar misalnya pergi ke perpustakaan

universiti, menghadiri kuliah, menggunakan kemudahan universiti dan sebarang transaksi bayaran di kampus,” katanya.

Sementara itu, Dr Mohamad Kadim berkata, penggunaan sistem berkenaan ketika ini masih terhad kepada pelajar dan kakitangan UNIMAS.

“Penggunaannya akan diperluaskan secara berperingkat termasuk bagi urusan beli-belah membabitkan peniaga dan restoran di kampus.

“Kita merancang menjadikannya sebagai platform perdagangan dan komunikasi dalam kalangan warga UNIMAS,” katanya.